

MAHATHIR-NAMIBIA

1982

KUALA LUMPUR, 4 OKT. (BERNAMA) -- KEPUTUSAN MALAYSIA UNTUK MENGIRIM SATU PASUKAN TENTERA CERAMAI 700 ORANG KE NAMIBIA DI BARATDAYA AFRIKA AKAN DITERUSKAN APABILA BEBERAPA PERKARA TEKNIKAL KECIL DENGAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAPAT DIATASI, DEMIKIAN MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN WALAUPUN MALAYSIA TELAH BERTETAPAN PADA PRINSIPNYA UNTUK MENGHANTAR TENTERA, BEBERAPA PERTIMBANGAN PERLU DIBUAT TERMASUK PENGIRIMAN KELENGKAPAN DAN LAIN-LAIN LOGISTIK.

+SEBELUM MENGHANTAR TENTERA KITA, KITA TERPAKSA MENGETAHUI TERLEBIH DAHULU SAMPAI ADA BANGSA-BANGSA BERSATU AKAN MENYEDIAKAN SOKONGAN LOGISTIK, DAN SUDAH PASTI KITA LEBIH SUKA JIKA MEREKA YANG MENYEDIKANNYA,+ KATA BELIAU SEKEMBALINYA DARI LONDON SELEPAS MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGONG BANGSA-BANGSA BERSATU DI NEW YORK.

DI PERTUBUHAN BADAN DUNIA ITU BELIAU MENEMUI SETIAUSAHA AGONG PBB, ENCIK JAVIER PEREZ DE CUELLAR MENGENAI PERKARA ITU DAN APA YANG PASTI BETAKAT INI IALAH PERSETUJUAN TELAH TERCAPAI MENGENAI PENGIRIMAN TENTERA KE SITU.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI MENJELASKAN TENTANG ADANYA PERSETUJUAN YANG DIBUAT OLEH BEBERAPA BUAH NEGARA MENGENAI SYARAT YANG DIKENAKAN OLEH AFRIKA SELATAN TERHADAP PENGUNDURAN TENTERA GUBA DARI ANGOLA.

+BAGAIMANAPUN ADA TERDAPAT BEBERAPA BUAH NEGARA YANG MERASAKAN BAHAWA AFRIKA SELATAN PERLU DIPUJUK DAHULU DAN JIKA ORANGRAMAI TERUS MEMBERI SOKONGAN DAN MEMBIARKANNYA DEGIL DAN TIDAK MAHU BEKERJASAMA, SAYA RASA AKAN TERDAPAT SEDIKIT KELEWATAN,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 2308/AZ

6689

MAHATHIR-NAMIBIA 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENYELESAIAN PEPERANGAN IRAN-IRAQ, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENJELASKAN KEPADA SETIAUSAHA AGONG PBB MENGENAI PERLUNYA KOORDINASI ANTARA USAHA-USAHA YANG DIBUAT OLEH BADAN DUNIA ITU DENGAN PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC).

KATANYA BANGSA-BANGSA BERSATU MENGAKUI PERANAN OIC SEBAGAI ORANG TENGAH UNTUK MENGATASI MASALAH ITU KERANA BADAN ITU JUGA BERADA DI BAWAH NAUNGAN BANGSA-BANGSA BERSATU SENDIRI.

MENGENAI SAMPAI ADA BELIAU AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERWAKILAN OIC DI MASA DEPAN KATANYA: +JIKA SAYA DIPERLUKAN SAYA AKAN PERGI.+

BAGAIMANAPUN BELIAU RASA BANGSA-BANGSA BERSATU KINI TERLALU SIBUK DENGAN MASALAH ISRAEL DAN PALESTIN SERTA MASALAH ASIA BARAT.

+KITA TIDAK BERKECIL HATI UNTUK MEMAINKAN PERANAN KECIL JIKA MEREKA BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH ISRAEL, TETAPI KITA TIDAK YAKIN MEREKA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN,+ TAMBAH BELIAU.--BERNAMA 2316/HM